



PAKAIAN tradisional Melayu turut dijadikan pakaian rasmi sekolah bagi pelajar lelaki dan perempuan.

# Baju Melayu seiring adat, syariat

**S**ETIAP masyarakat Islam seluruh dunia mempunyai warisan budaya tradisional yang unik dan berlainan antara satu sama lain.

Ini termasuk masyarakat Islam di alam Melayu yang mempunyai beberapa reka bentuk baju tradisional yang unik dan menarik hasil daripada simulasi dan akulturasi budaya mendasari rekaan pakaian tradisional masyarakat nusantara itu.

Satu daripada rekaan baju tradisional yang digunakan oleh golongan wanita sehingga ke hari ini dikenali sebagai baju kurung manakala baju tradisional untuk lelaki dikenali sebagai baju Melayu.

Kedua-dua rekaan baju tradisional ini mempunyai bentuk fizikal yang cantik dan maksud tersirat.

Pakaian tradisional Melayu untuk lelaki diberi nama baju Melayu kerana reka bentuk potongannya hanya digunakan oleh orang Melayu. Baju kurung adalah satu daripada baju tradisional yang direka khas untuk wanita Melayu.

Rekaannya bersesuaian dengan bentuk fizikal wanita, ekonomik dan memenuhi tuntutan syariat. Nama 'kurung' yang digunakan untuk baju ini merujuk kepada konsep keseluruhan pakaian yang menutup hampir keseluruhan badan wanita kecuali kepala, tapak tangan dan kaki.

Ia bagi melindungi bahagian badan dan memelihara kecantikan wanita secara tersurat dan tersirat. Nama ini bagi membezakan pakaian selainnya yang tidak 'mengurung' bahagian badan wanita seperti baju kurung.

Rekaan fizikal baju kurung dan baju Melayu telah diketahui ramal, namun maksud tersirat daripada rekaan yang diilhamkan

## Kesenian Islam



Oleh DR. ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA  
Institut Alam dan Tamadun Melayu,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
rosmahwati@ukm.edu.my

oleh generasi masyarakat Melayu terdahulu masih belum diketahui semua ahli masyarakat.

Masyarakat Melayu terkenal dengan sifat berhemah, beralas dalam percakapan dan perbuatan. Oleh itu, terdapat beberapa prinsip dan pantang dalam estetika Melayu yang turut digunakan dalam pembuatan pakaian.

Seorang pengkaji, Zakaria Ali (1989) mengetengahkan lima prinsip estetika Melayu yang boleh dikaitkan dengan rekaan pakaian tradisional Melayu iaitu:

1- Prinsip berhalus iaitu tekaan mempunyai tertib dan peraturan yang sesuai.

2- Prinsip berguna iaitu pakaian yang dihasilkan berguna untuk melindungi pemakai secara fizikal mahupun secara tersirat.

3- Prinsip bersatu iaitu bahagian-bahagian baju yang mempunyai pelbagai bentuk potongan seperti bulat, segi empat sama, segi empat tepat dan trapezium dapat disatukan dalam komposisi baju lengkap yang dihasilkan.

4- Prinsip berlawanan iaitu baju dipakai bersama kain bagi wanita, seluar atau kain bagi lelaki, ada bahagian kanan dan bahagian kiri, ia melambangkan kesempurnaan dan keseimbangan rekaan.

5- Prinsip berlambang yang menekankan tentang gabungan reka bentuk dan maksud tersirat di sebaliknya.

### MAKSUD TERSIRAT

Baju Melayu lazimnya mempunyai dua potongan

leher yang dikenali sebagai leher cekak musang atau leher teluk belanga.

#### Cekak musang mempunyai lima butang

● Dikaitkan dengan lima rukun Islam.

● Juga boleh melambangkan lima waktu sembahyang yang wajib dilaksanakan oleh orang Islam sehari semalam.

#### Tiga poket

● Melambangkan Islam, iman dan ihsan.

#### Teluk belanga mempunyai satu butang

● melambangkan ilmu tauhid yang berkait dengan Keesaan Allah.

#### Jahitan tulang belut

● Sifat jahitan yang bertindih dan rapat menutupi serta memperkemas bahagian sambungan pada bahagian leher ini diibaratkan seperti sifat kerukunan dan keakraban yang perlu ada dalam kalangan ahli masyarakat yang membantu satu sama lain dalam kehidupan.

Selain daripada lima prinsip rekaan estetika Melayu, terdapat lima pantang berpakaian yang digariskan dalam masyarakat Melayu (Tenas Affendy 2004) iaitu:

- 1- Membuka aurat
- 2- Terlalu nipis
- 3- Terlalu ketat
- 4- Mengada-ada
- 5- Memandai-mandai

Tenas Affendy juga mengepilkan sekalung nasihat dalam penulisan beliau pada 2005 seperti berikut: "kibar berkibar ditiup angin, tidak sempit menyampul nangka, aib tertutup malu tersimpan, sesuai adat dengan syarak."



BAJU Melayu menjadi pilihan utama lelaki Melayu ketika menyambut Aidilfitri.